

Cadangan awal program di masjid

ALOR SETAR - Cadangan asal lokasi program Majlis Gema Zikir & Qasidah bersama Shaykh Muhammad Hisham Kabbani pada 13 Jun ini bukan di Kolej Universiti Insaniah (Kuin), sebaliknya dirancang di masjid.

Bagaimanapun Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kedah, Prof Madya Dr Abd Aziz Hanafi berkata, cadangan awal untuk Shaykh Muhammad Hisham memberi ceramah mesti mendapat persetujuan ahli jawatankuasanya terlebih dahulu.

Justeru, perubahan lokasi dari masjid ke Dewan Besar Kuin adalah di luar pengetahuannya.

“Tak ada pun penganjur utama datang berjumpa saya. Hanya wakil yang datang berjumpa saya dan mencadangkan dibuat di masjid sebelum solat Jumaat iaitu dalam beberapa minit.

“Saya tak tahu, mereka (penganjur) nak pindah ke sana (Kuin), saya tak dapat maklumat, jadi yang tukar tempat itu saya tidak tahu-menahu,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Ditanya sama ada mengetahui mengenai tokoh itu semasa perjumpaan dengan wakil penganjur, Abd Aziz berkata, beliau hanya mengetahui Shaykh Muhammad Hisham secara umum.

Menurutnya, kuasa untuk meluluskan sesuatu program itu bukan berada di tangannya, sebaliknya ditentukan Mufti Kedah.

“Saya tak kata saya meluluskan (program Majlis Gema Zikir & Qasidah bersama Maulana Shaykh Muhammad Hisham), saya tak ada kuasa untuk meluluskan.

“Saya kata kalau nak buat di masjid kena ada persetujuan, tapi saya tak mahu heboh-hebohkan benda itu terlebih dahulu sebelum dapat persetujuan,” katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan Abd Aziz meminta kerajaan lebih tegas menyekat penularan tarekat Naqsyabandiah Al-Aliyah termasuk kehadiran pemimpinnya ke negara ini apabila diuar-uarkan sebuah program berkaitan akan diadakan di Kedah.



“Hanya wakil yang datang berjumpa saya dan mencadangkan dibuat di masjid sebelum solat Jumaat iaitu dalam beberapa minit.”
- Abd Aziz